

PERTANYAAN

BERKENAAN PELUASAN PROGRAM SARINGAN PRIHATIN PERKESO (PSP) MELALUI SUBSIDI SARINGAN COVID-19 KEPADA MAJIKAN

1. Siapakah yang layak menjalani saringan COVID-19 dibawah PSP?

PSP adalah dikhususkan kepada pekerja asing yang mencarum dengan PERKESO dan bekerja didalam **sektor pembinaan dan perkhidmatan kawalan keselamatan di Selangor dan Kuala Lumpur**. Saringan ditumpukan kepada kedua-dua sektor ini berdasarkan risiko jangkitan COVID-19 yang lebih tinggi didalam sektor tersebut dan selaras dengan arahan Kerajaan untuk menjalankan saringan bersasar.

2. Apakah jenis ujian saringan COVID-19 yang digunakan untuk PSP?

Ujian saringan COVID-19 yang ditawarkan dibawah PSP adalah menggunakan kaedah *Reverse Transcriptase Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) sebagaimana pengesyoran oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

3. Bagaimanakah majikan boleh mendapatkan saringan COVID-19 melalui PSP?

Majikan menghubungi klinik atau penyedia perkhidmatan yang menawarkan perkhidmatan saringan COVID-19 melalui makmal yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Majikan hendaklah menampung kos saringan terlebih dahulu dan membuat tuntutan subsidi setelah proses saringan disempurnakan.

4. Adakah saringan boleh dijalankan di premis majikan?

Majikan boleh berbincang dengan klinik/penyedia perkhidmatan yang menawarkan saringan untuk mengetahui sama ada saringan boleh dilakukan di

tempat kerja. Kemudahan ini adalah bergantung kepada kapasiti dan kesesuaian penyedia perkhidmatan.

5. Berapakah subsidi yang akan dibayar oleh PERKESO untuk saringan seorang pekerja melalui skim subsidi PSP?

PERKESO akan menanggung kos saringan sehingga **RM150** bagi seorang pekerja. Sekiranya kos saringan yang dilakukan melebihi subsidi yang diberikan PERKESO, majikan hendaklah menanggung kos lebihan tersebut.

6. Adakah majikan sektor selain dari sektor pembinaan dan perkhidmatan kawalan keselamatan boleh melakukan saringan COVID-19?

Majikan bagi sektor selain sektor pembinaan dan kawalan keselamatan, boleh menjalankan saringan COVID-19 untuk pekerja tetapi kos saringan adalah dibawah tanggungan majikan sepenuhnya. Saringan bagi pekerja warga tempatan di semua sektor adalah juga ditanggung oleh majikan sepenuhnya.

7. Bagaimanakah subsidi akan dibayar kepada majikan yang menjalankan saringan kepada pekerja yang layak?

Majikan hendaklah menjalankan saringan dengan menggunakan perkhidmatan klinik dan penyedia perkhidmatan kos saringan tersebut hendaklah ditanggung oleh majikan terlebih dahulu. Majikan kemudiannya boleh membuat tuntutan untuk subsidi dengan mengemukakan resit saringan tersebut beserta senarai pekerja yang disaring. Tuntutan perlu dibuat melalui sistem tuntutan atas talian yang boleh diakses melalui laman sesawang psp.perkeso.gov.my.

8. Adakah pembayaran subsidi ini mempunyai terhad kepada bilangan pekerja tertentu?

Majikan boleh menjalankan saringan kepada semua pekerja yang layak dan mencarum dengan PERKESO tanpa mempunyai had bilangan pekerja.

9. Adakah majikan boleh membuat tuntutan sebelum mempunyai keputusan saringan?

Majikan perlu memastikan semua pekerja yang telah menjalani saringan Covid-19 dan telah memperolehi keputusan sahaja yang boleh diteruskan kepada proses tuntutan subsidi saringan.

10. Adakah tuntutan subsidi boleh dilakukan melalui kaunter Pejabat PERKESO secara manual atau serahan tangan?

Permohonan tuntutan subsidi saringan hanya melalui atas talian yang boleh diakses di psp.perkeso.gov.my

11. Apakah maklumat yang perlu dilengkapkan oleh majikan di portal permohonan subsidi?

Majikan perlu melengkapkan profil majikan dan maklumat bank termasuk nama bank, nombor akaun bank syarikat dan nombor Bank Registration (BRN) bagi membolehkan proses kelulusan serta pembayaran dapat dilakukan dengan lancar. Hanya nombor akaun bank syarikat sahaja diterima dan di proses.

12. Apakah *Bank Registration Number* (BRN)?

Bank Registration Number (BRN) adalah nombor yang diperolehi daripada bank ketika pembukaan akaun bank syarikat oleh majikan. Majikan perlu memastikan nombor BRN tersebut SAH sehingga kini.

Nombor BRN yang dilengkapkan di dalam portal permohonan subsidi mestilah menggunakan Huruf Besar (Capital letter) dan angka (alphanumeric) sahaja serta tidak mengandungi *special character* atau *spacing*.

13. Adakah majikan boleh membuat tuntutan subsidi bagi saringan yang dijalankan sebelum 1 Jun 2020?

PERKESO hanya akan memberikan subsidi untuk saringan yang dijalankan bermula **1 Jun 2020**.